



POLISI DAN TATACARA PENGGUNAAN PREMIS PUSAT HARMONI.

1. Penganjur / pengguna adalah bertanggungjawab untuk memastikan bilik / dewan berada dalam keadaan bersih semasa dan selepas majlis.
2. Penganjur / pengguna **TIDAK DIBENARKAN** untuk menampal sebarang hiasan atau risalah di dinding bilik dan dewan yang digunakan. Penggunaan 'stapler' pada meja atau paku pada dinding di dalam bilik / dewan adalah dilarang sama sekali.
3. Penggunaan premis Pusat Harmoni untuk tujuan 'REHEARSAL' pada **SEHARI SEBELUM TEMPOH PENYEWAAN** akan **DIKENAKAN CAJ TAMBAHAN sebanyak RM50 SEJAM.**
4. Penggunaan premis Pusat Harmoni untuk **PERSEDIAAN AWAL** dibenarkan selama **1 JAM SAHAJA** dan pada tarikh, masa yang dipersetujui. Premis harus dikosongkan dalam masa **1 JAM SELEPAS TEMPOH PENYEWAAN.**
5. Penghawa dingin hanya akan dipasang 30 minit sebelum tempoh penyewaan. Penggunaan penghawa dingin lebih daripada masa yang disewa akan **DIKENAKAN CAJ TAMBAHAN sebanyak RM50 SEJAM.**
6. Sebarang susunan meja dan kerusi adalah tanggungjawab penganjur / pengguna.
7. Penganjur / pengguna perlu memastikan tiada sebarang kerosakan ke atas peralatan yang sedia ada. Deposit sekuriti **TIDAK** akan dikembalikan sekiranya terdapat sebarang kerosakan pada peralatan / harta benda.
8. Makanan dan minuman manis atau berperisa **TIDAK DIBENARKAN** dibawa masuk ke dalam bilik / dewan. Semua makanan mesti dihidangkan di luar bilik / dewan. Pengguna dibenarkan untuk menggunakan meja yang disediakan di luar dewan.
9. Pembuangan sisa makanan dan sampah, termasuk penggunaan khidmat katerer adalah di bawah tanggungan penganjur / pengguna.
10. Penganjur / pengguna mesti sentiasa memastikan bahawa semua makanan dan minuman adalah "**NO BEEF**" dan "**NO PORK**". Minuman keras (**ALKOHOL**) adalah tidak dibenarkan di dalam premis Pusat Harmoni. Seluruh kawasan Pusat Harmoni adalah **ZON BEBAS MEROKOK.**
11. Selaras dengan Dasar Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang, penggunaan dan pelupusan plastik sekali guna seperti beg plastik dan penyedut minuman plastik adalah **TIDAK DIBENARKAN.**
12. **DILARANG** memetik bunga-bunga atau tanaman yang berada dalam kawasan sekitar Pusat Harmoni.

Dengan ini, saya mengakui telah membaca, memahami dan bersetuju menerima kesemua syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan oleh pihak HARMONICO.

